



UUM ONLINE: Malaysia berada pada kedudukan ke-11 dalam senarai 137 buah negara yang memperuntukkan perbelanjaan paling tinggi bagi sektor pendidikan berdasarkan statistik yang dikeluarkan oleh Pertubuhan Pelajaran, Sains dan Kebudayaan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNESCO), tahun lalu.

Secara purata peruntukan kepada sektor pendidikan di Malaysia bagi dekad ini sekitar 25.2 peratus daripada keseluruhan bajet negara sekali gus menjadikan sektor pendidikan antara penerima peruntukan terbanyak daripada kerajaan.

"Dengan peruntukan yang besar, sistem pendidikan di negara ini melalui proses transformasi dan penambahbaikan dari semasa ke semasa untuk menjamin kualiti pendidikan di samping melahirkan masyarakat yang mengutamakan ilmu pengetahuan," kata Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan), Kementerian Pengajian Tinggi (KPT), Datuk Omar Abd. Rahman yang membacakan teks ucapan mewakili Menteri Pengajian Tinggi.

Menurutnya, Institusi Pengajian Tinggi (IPT) tidak hanya menumpukan kepada proses pengajaran dan pembelajaran malah, peranannya telah berubah dengan wujudnya *APEX University*, *Research University* dan *Premier Politeknik* dan kini IPT bergerak seiring dengan hasrat kerajaan melaksanakan dasar Model Ekonomi Baru dalam menuju sebuah negara berpendapatan tinggi.

"Justeru, bagi mencapai hasrat menjadikan Malaysia sebagai hub kecemerlangan pengajian tinggi di rantau ini, kerajaan telah memperuntukkan RM14.1 bilion kepada KPT.

"Daripada jumlah itu, sebanyak RM4.4 bilion diperuntukkan untuk perbelanjaan pembangunan, termasuk meningkatkan taraf perpustakaan akademik, di Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) seluruh negara," katanya sejurus sebelum merasmikan Seminar Kebangsaan Teknologi Maklumat Di Perpustakaan di Pulau Pinang, kelmarin.

Jelasnya, peningkatan ini turut mengambil kira penyediaan prasarana pembelajaran yang kondusif seperti kemudahan peralatan berteraskan teknologi maklumat, penambahan perolehan koleksi yang berkualiti tinggi dan kemudahan telekomunikasi jalur lebar.

"Inisiatif proaktif yang diambil oleh KPT ini dengan jelas membuktikan pengiktirafan kerajaan mengenai peranan penting pendidikan peringkat tinggi dalam merealisasikan agenda negara," ujarnya pada program anjuran Perpustakaan Sultanah Bahiyah, Universiti Utara Malaysia.

Tambahnya, ledakan maklumat dan pengetahuan, kemajuan teknologi maklumat, tahap maklumat dan pengetahuan dalam masyarakat merupakan aset terpenting untuk meraih kegemilangan dalam semua bidang di mana semua pihak wajar melakukan transformasi jika tidak mahu ketinggalan.

"Perpustakaan akan diabaikan kalau tidak dapat membantu pengguna lebih daripada kemampuan dalam memanfaatkan teknologi untuk mengurus dan menyebarkan maklumat.

"Disinilah, peranan perpustakaan yang begitu penting dalam membekalkan maklumat yang bernilai tinggi dan menyebarkannya menerusi pelbagai kaedah kerana masyarakat dunia kini menempatkan maklumat dan ilmu pengetahuan sebagai aset terpenting untuk meraih kejayaan dalam pelbagai bidang.

"Itu sebabnya kita mendengar istilah seperti *information society*, *knowledge society* dan *knowledge economy*. Begitu juga dengan munculnya pelbagai jenis kegiatan yang berasaskan teknologi maklumat seperti e-commerce, e-government, e-learning, e-education, e-library, e-journal, e-medicine dan e-laboratory," ucapnya.

Tambahnya, ini menunjukkan penerapan teknologi maklumat telah menyelusuri hampir di semua bidang, oleh itu, ukuran perkembangan perpustakaan kini banyak diukur daripada penerapan teknologi maklumat yang digunakan.

Ujarnya, kebanyakan perpustakaan akademik mengalami transformasi ketara daripada bentuk tradisional kepada perpustakaan hybrid dan menuju ke arah perpustakaan digital, elektronik atau virtual.

Justeru, perpustakaan perlu menyediakan akses yang lebih luas melalui jaringan tempatan, intranet dan internet di samping membangunkan sebaik mungkin perkhidmatan berteraskan teknologi.

Habis.